

Pemimpin Quad lancar pelan pengawasan maritim anti-China

SH 30/5/2022 MS: 41

TOKYO - Pemimpin-pemimpin Quad telah melancarkan pelan pengawasan maritim yang mana penganalisis menyatakan ia satu langkah penting untuk mengekang kemaraan China, lapor laman berita *Al-Jazeera*.

Quad, sebuah pakatan tidak rasmi yang terdiri daripada Jepun, Amerika Syarikat (AS) India dan Australia berkata pada Selasa bahawa Perkongsian Indo-Pasifik untuk Kesedaran Maritim (IPMDA) akan membantu negara di Kepulauan Pasifik, Asia Tenggara dan Lautan India menjejaki aktiviti penangkapan ikan secara haram serta aktiviti haram lain dalam masa yang nyata.

Walaupun Quad tidak menyatakan China, penganalisis menyatakan inisiatif itu bertujuan menangani aduan dari negara-negara di rantau ini mengenai penangkapan ikan tanpa kebenaran oleh bot China di zon ekonomi eksklusif serta pencerobohan oleh kapal maritim di perairan yang dipertikaikan.

Dengan memantau frekuensi radio dan isyarat radar, inisiatif tersebut juga akan membantu negara terbabit menjejaki bot walaupun mereka mengelak pengesanan dengan mematikan responder yang dikenali sebagai Sistem Maklumat Automatik (AIS).

Difahamkan, perisikan ini akan di-

kongsi diseluruh rangkaian pusat pengawasan sedia ada yang berpangkalan di India, Singapura, Vanuatu dan Kepulauan Solomon.

Felo untuk Asia Tenggara di Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa yang berpangkalan di AS, Greg Poling menyifatkan IPMDA sebagai 'bercita-cita tinggi' mungkin akan membantu negara membangun di seluruh Lautan India, Asia Tenggara dan Kepulauan Pasifik yang mana negara tersebut mengalami kekurangan sumber mengawal perairan mereka.

Kapal China didakwa menangkap ikan tanpa lesen sekurang-kurangnya 237 kali antara tahun 2015 hingga 2019. - *Agensi*